

# HOSPITAL PITAS

*"Pesakit Didahulukan, Kesihatan Diutamakan"*  
Edisi 6: Bilangan 1/2011  
JULAI - DISEMBER 2010

KEMENTERIAN KESEHATAN MALAYSIA

Hospital Pitas, PETI SURAT NO. 60200 PITAS-52000  
TEL : 088-676100 FAX: 088-611203

Laman Web: <http://hpitas.moh.gov.my/v2>

e-mail : [pengarah.pitas@sbh.moh.gov.my](mailto:pengarah.pitas@sbh.moh.gov.my)

EDARAN PERCUMA

## LSCS : Perkhidmatan baru di Hospital Pitas



Membawa Diri Ke Sandakan

Home Visit as patient centred service

"Pontianak Berlesen?"

Hakcipta Terpelihara © 2011. Kementerian Kesihatan Malaysia

e-mail: [pengarah.pitas@sbh.moh.gov.my](mailto:pengarah.pitas@sbh.moh.gov.my) Phone No: 088-676100 Fax No: 088-611203

## PERUTUSAN

# Pengarah Hospital

We take pride in providing good service to all our clients in this hospital. The strive to improve our service reflects on our concerted effort to embark on accreditation certification. This last part of 2010 especially before the accreditation survey has shown tremendous potential in every staff. This only strengthens my confidence that any individual how dormant he or she may seem, possesses the capability to go to greater heights.

We await anxiously for the unveiling of the survey result with confidence. In the meantime, all hospital activities and services continue with more fervor. I can see the excitement in every staff to further improve the quality of service in this hospital with more and more emphasis on safety. At the same time, the soft skill remains one of our foremost priority when it comes to providing care to our clients.

We will continue to be caring, understanding and respectful to every individual that walks into our door. Amidst the technological advancement and sophisticated and comfortable facility, we should not lose sight in this important element of the corporate culture that embodies our ministry.

Dr Francis Paul  
Hospital Director



### SIDANG EDITOR

*Penasihat*

**Dr Francis Paul**

*Ketua editor:*

**Mohd Sharil Bin Omar**

*Editor:*

**Norlitha Bundah  
Olga Ambu**

*Rekabentuk Grafik:*

**Joseph Tai  
Patrick Morinka**

*Jurugambar:*

**Dr. Francis Paul  
Fauze Oshou  
George Dell**



*Dari Ketua Editor,*

*Pesakit didahulukan, Pencapaian Diutamakan...* Itu

merupakan motto baru bagi Hospital Pitas seiring dengan visi Perdana Menteri Malaysia dalam mencapai hasrat kemakmuran negara yang berbilang kaum ini. Lantas dengan itu, pelbagai perubahan telah dilaksanakan untuk memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang awam khususnya untuk penduduk daerah Pitas.

Untuk 3 bulan pertama pada penggal akhir ini merupakan cabaran getir untuk semua kakitangan Hospital Pitas kerana telah berusaha dan bertungkus lumus membuat persediaan untuk mendapatkan Pensijilan Akreditasi yang telah dinilai pada bulan Oktober lalu. Bersama-samalah kita berdoa agar segala usaha dan penat lelah kita disusuli dengan kejayaan Pensijilan Penuh kelak.

Tahun 2010 akan sentiasa dalam ingatan kerana banyak pengalaman manis telah terpahat dalam sejarah Hospital Pitas sejak bermula operasinya pada lewat tahun 2006. Semua kenangan tersebut telah dirangkumkan dalam edisi buletin kali ini. Terima kasih kepada Dr. Francis Paul kerana memberi kepercayaan untuk menerajui edisi kali ini dan penghargaan kepada sidang redaksi di atas kerjasama yang telah diberikan. Semoga Hospital Pitas sentiasa maju jaya.

Arill Shah

## KANDUNGAN

Penilaian Program Akreditasi Hospital	02
Lawatan SMRC ke HDOK Sandakan	03
Fisioterapi : Program Mesra Pelanggan 'Home Visit'	04
Blood Bank: Kepentingan Derma Darah & Komitmen	05
Pelancaran Logo Baru Hospital Pitas	06
Dewan Bedah : Bersalin Melalui LSCS	07
Sambutan 'Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia'	08
Berita & Peristiwa Sana Sini	09
PERKIPS : Majlis Khatan Perdana	12
Trip Adventure: Tara Klamp di Afrika Selatan	13
Potrait Sepanjang Hayat	14

# PENILAIAN AKREDITASI OLEH MSQH

Sejak Hospital Pitas dibuka kepada umum pada Ogos 2006, mantan Pengarah Kesihatan Negeri telah mencabar hospital ini untuk mendapatkan Persijilan Akreditasi. Bermula pada saat itu, jentera akreditasi telah ditubuhkan. Namun disebabkan terdapat perpindahan ramai anggota, jawatankuasa asal terpaksa dibubarkan dan jawatankuasa baru telah ditubuhkan pada Januari 2010.

Setelah mengharungi pelbagai dugaan dan cabaran dalam melaksanakan segala kehendak dan keperluan bagi Pensijilan Akreditasi, akhirnya setelah genap 10 purnama, kewibawaan seluruh anggota Hospital Pitas teruji. Tanggal 4 hingga 6 Oktober 2010 merupakan satu lagi sejarah dalam penubuhan Hospital Pitas. Tarikh keramat ini merupakan tarikh Penilaian Akreditasi oleh pihak MSQH.

Berbekalkan semangat "Siang Malam Akreditasi", seluruh anggota Hospital Pitas telah menerima kunjungan tiga orang panel penilai yang diketuai oleh Dr. Hassan Merican, Timbalan Pengarah (Perubatan) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Dr. Hj. Mohd Khalid Bin Kassim dari Hospital Melaka dan Matron Norhayati Takiman, *Former Matron* Hospital Pusrawi Kuala Lumpur.



3 orang panel penilai Akreditasi sedang mengulas beberapa aspek yang boleh diperbaiki di Hospital Pitas



Antara anggota hospital yang sempat hadir ke penggulungan penilaian akreditasi

Tempoh 3 hari berkenaan merupakan tempoh yang sangat bermakna bagi warga Hospital Pitas yang majoritinya dianggotai oleh kakitangan yang agak baru dalam perkhidmatan. Pada saat ini warga Hospital Pitas ibarat bertungkus lumus 24 jam sehari bagi memenuhi segala persoalan yang diajukan oleh pihak panel penilai. Pelbagai komen, teguran dan tidak kurang juga pujian yang diberi diharap dapat memberikan pengalaman berguna bagi kakitangan Hospital Pitas di masa-masa akan datang.

Akhir kalam, kami dari pihak Jawatankuasa Akreditasi Hospital Pitas merakamkan ribuan terima kasih kepada panel penilai dari MSQH serta seluruh warga kerja Hospital Pitas dalam menjayakan proses ini. Sehingga itu, samasamalah kita berdoa agar segala usaha dan penat lelah kita selama ini dapat dinoktahkan dengan Pensijilan Penuh 3 Tahun yang akan tercatat dalam tinta sejarah hospital ini. Sekian, salam akreditasi dan terima kasih.

Muhammad Bin Hj. Md. Zain

## LAWATAN BENCHMARK HOSPITAL KOTA MARUDU KE HOSPITAL PITAS

Hospital Pitas telah menerima lawatan Jawatankuasa Akreditasi Hospital Kota Marudu pada 29 Oktober 2010 yang mana diketuai oleh Pengarah Hospital Kota Marudu, Dr. Rosfinah Ghazali, bersama-sama 20 orang ahli jawatankuasa Akreditasi Hospital Kota Marudu.

Dr. Francis Paul, Pengarah Hospital Pitas telah memberikan taklimat ringkas berkenaan Hospital Pitas dan ulasan mengenai beberapa komen/cadangan dari pihak penilai akreditasi (MSQH) ketika penilaian pusingan pertama akreditasi Hospital Pitas pada 4hb hingga 6hb Oktober 2010 yang lalu.



Dr. Rosfinah berbincang dalam sesi pertemuan eksklusif di Bilik Seminar Utama Hospital Pitas

Semasa lawatan ini rombongan Jawatankuasa Hospital Kota Marudu ini telah dibawa melawat ke setiap unit sepertimana tujuan lawatan ini untuk berkongsi idea bagi persiapan dan persediaan penilaian akreditasi Hospital Kota Marudu. Seluruh warga Hospital Pitas menghargai lawatan ini dan mengalu-alukan lawatan pihak Hospital Kota Marudu di masa-masa akan datang.

Norlina Pakok



Staf HDOK dan ahli-ahli SMRC Pitas bergambar kenang-kenangan.

***"Disahkan bahawa seramai 50 orang ahli SMRC Pitas telah meninggalkan Daerah Pitas disebabkan perkara yang tidak dapat dipastikan dan masih dalam siasatan"***

Petikan tersebut merupakan nada gurauan daripada peserta rombongan lawatan muhibah ke Hospital Duchess Of Kent Sandakan. Seramai 50 orang peserta yang diketuai oleh Pengarah Hospital Pitas, Dr. Francis Paul.

## Membawa Diri Ke Sandakan

6-8 Ogos 2010 - Lawatan ini bertujuan memupuk semangat kekeluargaan di antara ahli SMRC Pitas di samping membuat persediaan untuk Kejohanan Sukan Kesihatan Peringkat Pantai Barat Utara yang akan datang.

Sebanyak tiga acara sukan yang diadakan iaitu bola sepak lelaki, bola tampar lelaki dan wanita, dan futsal lelaki dan wanita. Kalah atau menang bukanlah menjadi kepentingan dalam aktiviti ini. Apa yang penting ialah kerjasama semangat berpasukan di antara ahli SMRC Pitas.

Setelah penat dengan acara sukan, semua peserta rombongan diraikan dengan Majlis Malam Mesra yang sangat istimewa, di samping persembahan daripada tuan rumah.

Sebelum kembali ke Pitas, para peserta rombongan mengambil kesempatan melawat keindahan Tokong Tangga Seribu dan Pusat Pemuliharaan Orang Utan di Taman Sepilok.

Secara keseluruhannya, lawatan ini berjaya memupuk silaturahin antara kakitangan Hospital Pitas dan HDOK. Para peserta rombongan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Hospital Duchess Of Kent Sandakan di atas sambutan yang meriah dan layanan mesra yang telah diberikan.



Gelagat staf HDOK semasa memberi sokongan kepada pasukan mereka dalam perlawanan bola tampar.

*DellAdzrul*



Dr. Zorina sedang menjelaskan sesuatu kepada Dr. Francis Paul.

Sesi 'warming-up' sebelum perlawanan bermula. SMRC Pitas menang 3-1.

"Sebelum mula perlawanan pose dulu!" Gelagat para pemain futsal wanita.

# Program Lawatan Rumah di Rumah Pesakit

'Home Visit' (Lawatan ke Rumah Pesakit) merupakan salah satu skop perkhidmatan Jurupulih Perubatan (Carakerja) dan juga Jurupulih Perubatan (Anggota).


'Home Visit' Unit Rehabilitasi Hospital Pitas telah mula dilaksanakan pada tahun 2010 dan dikendalikan oleh Unit Pemulihan Carakerja dan Unit Fisioterapi. Pesakit *stroke* dan pesakit Geriatrik (warga emas) yang mempunyai risiko jatuh serta mengalami masalah dari segi pelaksanaan aktiviti harian (ADL) ketika berada di rumah adalah diberi keutamaan untuk 'Home Visit'.

Sekiranya pesakit memerlukan perkhidmatan kebajikan, pegawai sosial perubatan akan turut dipanggil untuk menyertai 'Home Visit' bagi pesakit berkenaan. Jarak untuk 'Home Visit' adalah 10km radius dari kawasan hospital dan dijalankan setiap sebulan sekali. Setakat ini, Unit Rehabilitasi telah menjalankan lawatan rumah sehingga ke Kg. Sibaung.

Jurupulih Carakerja berperanan untuk menilai persekitaran tempat tinggal pesakit. Penilaian tempat tinggal pesakit adalah penting untuk mengenalpasti *hazard* seperti faktor-faktor yang boleh menyebabkan jatuh dan bahaya terhadap pesakit ketika berada di rumah. Cadangan cara untuk mengatasi masalah berkenaan akan diberikan oleh Jurupulih Carakerja dengan melakukan adaptasi untuk memudahkan pesakit menjalankan aktiviti harian (ADL) seperti mandi, makan, menaiki tangga, bergerak di dalam rumah dan sebagainya.

Antara adaptasi yang biasa dicadangkan adalah seperti memasang pemegang *grab rail* pada setiap tangga, memasang *ramp* pada bendul, dan meletakkan *non-slip mat* pada lantai yang licin. Selain itu, rawatan pemulihan carakerja juga akan dijalankan semasa *home visit*.

Jurupulih Anggota pula berperanan untuk menjalankan rawatan yang merangkumi senaman menguatkan otot dan meningkatkan julat pergerakan sendi anggota yang lemah terutamanya anggota bawah badan *lower limb*. Selain itu, Jurupulih Anggota juga mengenalpasti dan mengadaptasi rawatan atau senaman yang boleh dilakukan oleh pesakit ketika berada di rumah.



Gambar pesakit yang sedang menjalankan senaman semasa 'home visit'.



Tangga rumah pesakit yang perlu diubahsuai dengan membuat pemegang (*grab rail*)



Tandas pesakit yang terlalu tinggi memerlukan ramp dan pemegang (*grab rail*).  
\**Non slip mat* perlu diletakkan pada lantai yang licin.

# Kepentingan Menderma Darah

Darah yang diderma boleh menyelamatkan nyawa seseorang terutamanya :

- \* Mangsa kemalangan
- \* Pesakit yang menjalani pembedahan
- \* Bayi yang baru lahir yang mengidap penyakit kuning (jaundis)
- \* Pesakit Thalassemia dan Hemofilia
- \* Ibu yang mengalami tumpahan darah

## Kepada Siapa Darah Didermakan?

Darah yang diterima daripada penderma akan disimpan terlebih dahulu. Sel darah merah mempunyai jangka hayat selama 115 hari hingga 120 hari jika disimpan dalam peti dingin beku.

## Menderma Darah Menjana Kesihatan

Dengan menderma darah dapat membantu mengekalkan kesihatan badan. Ini kerana apabila darah didermakan, ia akan merangsang badan penderma menghasilkan banyak sel darah merah baru. Sel darah merah baru mempunyai keupayaan untuk membawa oksigen ke seluruh badan dengan lebih baik dan berfungsi dengan lancar.

Biasanya selepas seseorang itu menderma darah, ia akan berasa lebih segar daripada sebelumnya. Penderma juga berasa puas dan gembira kerana dapat membantu golongan yang memerlukan.

Pada masa sama, kecekapan badan untuk menggunakan zat besi akan meningkat kerana ia diperlukan bagi menghasilkan sel darah merah yang baru. Secara tidak langsung, ia dapat membantu badan mengelak mengalami masalah pengumpulan zat besi berlebihan yang boleh merosakkan jantung, hati dan kelenjar endokrin.



## PENTING !!!

Bagaimanapun, sebelum menderma darah anda perlu memastikan diri anda tidak mengamalkan cara hidup yang tidak sihat (berisiko tinggi) seperti berikut :

- \* Menggunakan dadah secara suntikan
- \* Mengamalkan homoseksual/biseksual/bertukar-tukar pasangan seks
- \* Mengadakan perhubungan seks dengan pelacur/melacurkan diri
- \* Pernah mengadakan hubungan seks dengan mereka yang tersebut di atas
- \* Merupakan pembawa virus Hepatitis B & C atau telah dijangkiti Virus HIV atau mengidapi AIDS

Jika terdapat perkara di atas, anda **DILARANG** sama sekali untuk menderma darah. Ini kerana darah anda akan memudaratkan kepada orang yang menerima darah anda.

## ANDA LAYAK MENDERMA DARAH SEKIRANYA :

1. Berumur 18 tahun ke atas
2. Berat badan 45 kg dan ke atas
3. Sihat tubuh badan
4. Sihat pada hari menderma
5. Tidak pernah mengalami masalah semasa menderma darah
6. Tidak mengambil ubat asprin, antibiotik atau sebarang ubatan yang lain dalam tempoh satu minggu yang lepas
7. Tidak menerima sebarang imunisasi dalam tempoh 24 jam yang lepas
8. Tidak menerima rawatan pergigian dalam tempoh 24 jam yang lepas
9. Tidak mengalami selesema, batuk, sakit tekak atau sebarang jangkitan dalam tempoh satu minggu yang lepas
10. Tidak menjalani pembedahan dalam tempoh 6 bulan yang lepas
11. Tidak mengandung atau menyusu anak di bawah 1 tahun
12. Tidak pernah menerima pemindahan darah dalam tempoh 6 bulan yang lepas
13. Tidak bertindik di mana-mana bahagian tubuh badan (akupunktur, tattoo, berbekam) dalam tempoh 1 tahun yang lepas
14. Tidak mempunyai ahli keluarga yang mengidapi Hepatitis B atau C

# Usaha Unit Transfusi Darah Membantu Insan Yang Memerlukan

Tahun 2010 merupakan satu tahun yang mencabar bagi Unit Transfusi Darah Hospital Pitas. Banyak kempen telah dijalankan di sekitar kawasan Daerah Pitas sehingga ke Daerah Sugud Beluran untuk memastikan bekalan darah di hospital sentiasa mencukupi.



Antara sukarelawan yang hadir ke kempen derma darah di Centre Point K. Pankajali



Staff Hospital Pitas sibuk menerima kedatangan penderma darah di Pesta Tagunggu Paitan

Pengarah Hospital, Dr. Francis Paul, yang juga selaku Pegawai Perubatan bagi Tabung

Darah telah menasarkankan kutipan sebanyak 1200 pint darah untuk tahun ini. Sasaran itu merupakan satu cabaran bagi unit ini dan segala usaha telah dilakukan namun hanya berjaya memperoleh sebanyak 1026 pints darah iaitu peningkatan sebanyak 43% berbanding 443 pints pada tahun 2009. Hasil kerjasama anggota unit ini dan dibantu oleh beberapa anggota sukarelawan telah meringankan sedikit beban tugas semasa menjalankan program ini. Sebagai anggota masyarakat yang bertanggungjawab, penduduk kawasan sekitar Daerah Pitas telah banyak membantu menjayakan program ini.

Kerajaan dan NGO kini giat menjalankan kempen menderma darah untuk membantu Hospital Pitas menampung keperluan darah di daerah ini. Kepada semua anggota sukarelawan yang telah banyak membantu unit ini, ucapan terima kasih yang tidak terhingga dan adalah diharapkan pada tahun 2011 ini, penglibatan anggota sukarelawan adalah lebih menggalakkan lagi bagi menjayakan setiap kempen.

Terryie Eddie

## LOGO BARU LAMBANG PERKHIDMATAN KESIHATAN CEMERLANG

Seiring dengan peningkatan tahap kualiti perkhidmatan di Hospital Pitas, satu logo Hospital Pitas yang baru telah dilancarkan pada 16 Disember 2010 dan majlis tersebut dihadiri seramai 51 orang kakitangan Hospital Pitas. Logo ini merupakan hasil inspirasi Pengarah Hospital Pitas, Dr Francis Paul, yang amat mementingkan kualiti perkhidmatan kesihatan yang terbaik diberikan kepada penduduk Daerah Pitas.

Logo baru ini juga menggunakan 3 warna sebagai warna utama iaitu merah (red), emas (gold) dan biru (blue). Setiap warna ini mempunyai maksud dan maknanya yang tersendiri.

Warna Merah : Lambang penjagaan dan rawatan pesakit.

Warna Emas : Melambangkan perkhidmatan emas yang berkualiti dan berkekalan.

Warna Biru : Melambangkan air biru yang terus mengalir memberi rawatan yang berterusan seiring dengan perubahan arus teknologi dan pengetahuan terkini.

Slogan "Pesakit didahulukan, Kesihatan diutamakan" : turut dipaparkan di sebelah kanan logo hospital yang mencerminkan betapa kakitangan Hospital Pitas mementingkan kesejahteraan dan kesihatan pesakit.



Persembahan slaid Pelancaran Logo Baru Hospital Pitas boleh dimuatturun melalui:

[http://hпитas.moh.gov.my/v2/muatturun/persembahan\\_slaid/soft\\_launching\\_of\\_new\\_logo.pps](http://hпитas.moh.gov.my/v2/muatturun/persembahan_slaid/soft_launching_of_new_logo.pps)

Joseph Tai

## Bersalin Melalui Pembedahan LSCS di Hospital Pitas

**Julai 2010** - Hospital Pitas telah berjaya melakukan pembedahan LSCS yang pertama. Sejak hospital ini dibuka, dewan bedah tidak dapat berfungsi disebabkan tidak ada kakitangan yang mencukupi untuk mengendalikan pembedahan LSCS.

Semua kes LSCS sebelum ini terpaksa dirujuk ke Hospital Kota Marudu atau Hospital Kanak-Kanak dan Wanita (HPL) Sabah. Walau bagaimanapun, bukan semua kes LSCS dapat dilakukan di Hospital Pitas. Kes-kes rumit masih lagi dirujuk ke HPL.

### Apakah itu LSCS?

'Lower Segment Caesarean Section' (LSCS) ialah sejenis kaedah bersalin yang melibatkan pembedahan. Insisi dibuat pada abdomen ibu dan uterus untuk mengeluarkan bayi. Kaedah ini biasanya diaplikasikan apabila bersalin melalui faraj boleh membahayakan dan mengancam nyawa ibu atau pun anak.

### Mengapa anda memerlukan LSCS ?

Laporan mengenai bersalin secara 'Caesarean deliveries' menyatakan, 50% adalah dirancang iaitu dinamakan 'Elective Caesarean'; manakala 50% yang selebihnya adalah 'Emergency Caesarean' (pembedahan kecemasan).

### 'Elective Caesarean' adalah diperlukan untuk :

1. Kandungan kembar.
2. Bayi dalam kedudukan sonsang (punggung/kaki di bahagian bawah) atau bayi dalam kedudukan melintang.
3. plasenta praevia (plasenta menghalang salur kelahiran).
4. ibu mengalami darah tinggi yang serius.
5. mempunyai sejarah komplikasi pada kelahiran sebelumnya.




Senior GA sedang berada sepanjang masa pembedahan dilakukan demi menjamin keselamatan pesakit.

### Apakah yang akan terjadi selepas bersalin melalui pembedahan (Caesarean Section)?

1. Anda perlu tinggal di hospital untuk 3 hari.
2. Anda akan diberikan ubat penahan sakit untuk mengurangkan kesakitan apabila anda bangun.
3. Cuba untuk bangun dari katil selepas sehari melakukan pembedahan. Anda boleh meminta tolong jururawat jika memerlukan sokongan fizikal.
4. Anda mungkin akan membongkokkan badan anda sedikit apabila ingin berdiri tetapi ingat anda harus berdiri dengan lurus.
5. Untuk minggu pertama, anda perlu melembapkan sahaja diri anda dengan span untuk mengelakkan air yang banyak dari terkena luka anda.
6. Selepas tujuh hari bersalin, anda perlu kembali ke hospital untuk megeluarkan jahitan.
7. Anda boleh mandi seperti biasa selepas jahitan dikeluarkan.
8. Kadangkala parut menjadi lebih sensitif, gatal dan tidak selesa di bahagian bekas jahitan untuk beberapa minggu sebelum ia pulih. Luka anda mungkin pulih sepenuhnya dalam masa 6 minggu selepas bersalin.

### Jumlah Pembedahan LSCS Dari Julai - Disember 2010



# Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia

Sejajar dengan sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia pada 1 hingga 7 Ogos 2010, dengan tema "Hanya 10 Langkah Ke Arah Menjayakan Penyusuan Susu Ibu", Hospital Pitas juga telah mengadakan sambutan **Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia**. Sepanjang minggu tersebut pelbagai aktiviti telah diadakan dengan melibatkan beberapa unit klinikal, orang awam dan Ahli Kumpulan Sokongan Ibu (AKSI).

Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu lebih menjurus kepada kesedaran orang awam dan pekerja kesihatan tentang kebaikan dan kelebihan memberikan susu ibu sepenuhnya kepada bayi mereka.



Mohd. Siddiq [PZM Pitas] sedang merasmikan majlis di Dewan Serbaguna Kg.



Matron Taipa Lakasa menyampaikan hamper kepada seorang ibu yang berjaya menjawab soalan dengan betul sempena Kuiz Spontan PSI



Sister Lawasa sedang memberi ceramah kepada ibu-ibu di Jabatan Pesakit Luar.

Majlis Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia peringkat Daerah Pitas bertempat Dewan Serbaguna, Kg. Rosob Pitas.

Sepanjang minggu tersebut, pelbagai acara telah berjaya diadakan seperti ceramah tentang kebaikan susu ibu, pameran kesihatan dan latihan berkaitan penyusuan susu ibu.

Syabas kepada semua ahli AKSI yang telah hadir ke majlis ini yang telah memberikan sokongan secara langsung dan tidak langsung untuk menjana minda masyarakat tempatan ke arah minda positif dan sihat.



Penuh perhatian... antara gelagat AKSI Hospital Pitas

Nonie Mansang



Kiri: Pertandingan sukaneka [tendang belon tutup mata] oleh kanak-kanak AKSI Hospital Pitas dan NGO, sangat meriah.



Atas: Pengerusi AKSI Pn. Sardauyah Selesai memberi taklimat sempena penutupan 'Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia.'

# Berita & Peristiwa Sana Sini Berita & Peristiwa Sana Sini

Berita & Peristiwa Sana Sini Berita & Peristiwa Sana Sini Berita & Peristiwa Sana Sini Berita & Peristiwa Sana Sini



Antara anggota hospital yang sempat hadir mendengar fasa penggulungan penilaian akreditasi



Keakraban dan senyuman manis pegawai pengurusan adalah bukti perkhidmatan yang telus dan profesional



Dr. Shuaib's skillful eye examination in OPD while on Visiting Specialist Team



Penolong Pegawai Perubatan mengambil peranan penting dalam semua prosedur perubatan minor di Unit Kecemasan Hospital Pitas



Para peserta Budaya Korporat sedang masyuk mendengar ceramah dalam slot Profesionalisma.



Pengarah Hospital sedang memberikan taklimat Budaya Korporat di Bilik Seminar Utama

"SENYUM, PRIHATIN, SOPAN, PROFESIONALISMA..."



Pengamatan budaya koprart melalui bengkel meningkatkan motivasi anggota hospital



Nursing Audit - antara aktiviti yang paling aktif pada tahun ini memantapkan lagi mutu perkhidmatan rawat

# Berita & Peristiwa Sana Sini Berita & Peristiwa Sana Sini

# Berita & Peristiwa Sana Sini Berita & Peristiwa Sana Sini

Berita & Peristiwa Sana Sini Berita & Peristiwa Sana Sini Berita & Peristiwa Sana Sini Berita & Peristiwa Sana Sini



Mulut diperiksa sebelum paut dan longkang hospital semasa aktiviti 'MILES FREE' pada 25 Ogos 2010



Inspektor Kesihatan sedang melakukan inspection di Pejabat Am Hospital Pitas



Konsistensi: Anggota FABER sedang melakukan PPM ke atas seluruh peralatan sistem keselamatan hospital secara berkala



Senyum manis - Ratu Gimpuhut (SAMORA) semasa melawat di Wad Paediatric pada 14 Disember 2010



Basic Life Support ( BLS )  
21-22 Julai 2010



Never give up on CPR peserta BLS di hospital bagi meningkatkan lagi kemahiran anggota



Pre-Test semasa kursus Penyusuan Susu Ibu di kalangan anggota AKSI Hospital Pitas



'Do it right the first time' antara PPP yang memberi tunjuk ajar melakukan intubasi dengan betul

# Berita & Peristiwa Sana Sini Berita & Peristiwa Sana Sini



Senyuman manis setiap peserta dan penyanyi koir sempena Christmas Carol di Hospital Pitas



menang kalah senyum saja! ahli SMRC Hospital Pitas yang sempat beraksi memberi saingan kepada SMRC HDOK



Kelibatan Dr Francis Paul cuba memadamkan api sambil diselia oleh pegawai bomba



Helicopter Escort - pengalaman pertama ibu bersalin dirujuk ke Hospital Likas semasa musin banjir Disember 2010



Anggun! Team Blood Bank Hospital Pitas mengenakan pakaian tradisi Rungus sempena Pesta Tagunggu di Paitan.



Gejagat seorang permerma darah di Pesta Tagunggu



Pertandingan meniup belon dalam acara sukaneka pada Hari Keluarga FABER (HSS)



Jururawat yang prihatin membantu melekatkan poster sebagai sokongan dalam program sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia di Kg. Rosob Pitas

# Majlis Khatan Perdana (PERKIPS)

Pada 18.02.2010 bersempena musim cuti penggal persekolahan, satu Majlis Khatan Perdana telah diadakan dengan kerjasama antara JHAEINS Pitas, Pusat Zakat Daerah dan Persatuan Kebajikan Islam Perubatan Sabah (PERKIPS) bertempat di Hospital Pitas. Ini merupakan aktiviti pertama PERKIPS yang melibatkan kerjasama dengan pihak luar.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh En. Sh. Sahar Bin Sh. Ading, Ketua Pemuda UMNO Bahagian Kudat merangkap Ketua Penerangan Pemuda UMNO Negeri. Beliau mewakili YB Datuk Bolkiah Hj. Ismail, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah.

Seramai 50 orang peserta telah menyertai majlis tersebut dan dianggarkan kira-kira 200 orang telah berkunjung ke majlis berkhatan ini. Dengan adanya usaha ini, golongan anak-anak yang kurang berkemampuan dapatlah dibantu selaras dengan tuntutan fardu ain.

Norlitha Bundah



*Ibubapa sedang mendaftarkan anak-anak di kaunter pendaftaran.*



*Yang Berbahagia En. Sh. Sahar Sh. Ading sedang berbincang sesuatu dengan En. Sapdin Ibrahim, Pegawai Daerah Pitas.*



*Semburan air ke atas anak-anak sebelum khatan dijalankan.*



*Para petugas sedang sibuk menjandakan 'circumcision'.*



*Petugas sedang memberi pendidikan kesihatan tentang cara penjagaan luka pembedahan.*



*Pemberian cendera kenangan kepada semua peserta berkhatan.*

"Senyuman sempat diberikan oleh kanak-kanak ini sebelum berkhatan"



## Pengalaman Berharga di Afrika Selatan



Di atas permintaan Kerajaan Afrika Selatan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengadakan rombongan ke negara Afrika Selatan untuk melatih para doktor, pakar perubatan dan pakar pembedahan bagi menjalankan prosedur berkhatan yang dipanggil "Tara Klamp". Saya merupakan salah seorang peserta yang berpeluang menyertai rombongan ke Afrika Selatan ini.

"Tara Klamp" merupakan sejenis prosedur pembedahan (berkhatan) yang dianggap paling selamat kerana prosedur tersebut dikatakan "*less pain, fast, no infection, no blood loss and no complication.*" Dengan adanya kemahiran dan pengetahuan tentang prosedur "Tara Klamp" ini, kerajaan Afrika Selatan mensasarkan sekurang-kurangnya 2.7 juta orang lelaki dikhatankan pada tahun 2011.



*Stephen Nogiris [PPP] sedang menunjukcara teknik pengkhatan jenis 'Tara Klamp' kepada seorang pegawai perubatan tempatan. Pesakit tidak menunjukkan tahap kesakitan yang kuat sepanjang masa prosedur dijalankan.*

Bermula dari 25 Julai 2010 sehingga 10 Ogos 2010, para peserta rombongan Malaysia mempunyai jadual dan tugas yang cukup padat. Sebanyak 4 hospital dan 1 klinik telah diberi latihan tentang "Tara Klamp". Antaranya adalah Hospital North Dale, Hospital Newcastle, Hospital Clairwood, Hospital Lalch Durban, dan Klinik Lxapo. Selain itu, saya bersama pakar perubatan dari Malaysia berpeluang mengikuti program latihan yang telah diadakan di University Teaching Hospital di Zambia bermula pada 3/8/2010 sehingga 10/8/2010.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia kerana telah memberi peluang dan kesempatan yang amat berharga ini. Melalui pengalaman ini akan saya kongsi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab saya di Hospital Pitas.

Stephen Nogiris

**" This world is a book and those who do not travel read only one page "**



# Potrait

*Sepanjang Hayat*

"Cinta sejati bersatu"



Dr. Hasniza Hasan  
§  
Dr. Pengiran Nizam  
29 Oktober 2010



Miss Olga Ambu  
§  
Mr. Alerins Rajuah  
27 November 2010



Miss Zaineh Hajat  
§  
Mr. Mohd. Sharul Ridzuan  
27 November 2010



Miss Asmawati Oyoh  
§  
Mr. Sajid Amir Hamzah  
29 Oktober 2010



Miss Mariana Manulis  
§  
Mr. Fatin Julia  
26 November 2010



*Lagu*

# 1 MALAYSIA



**Berdiri teguh di bumi  
Nyata pupuk semangat satu Malaysia  
Sepakat rakyat didahulukan  
Pencapaian diutamakan**

**Perpaduan mendapat rahmat  
Toleransi kaum amalan bersama  
Kejayaan kita bangunkan  
Satu Malaysia**

**Dalam capai satu tujuan  
Tanggungjawab kita semua  
Jadi teras bangsa mulia  
Kita bina Satu Malaysia**

**Satu Malaysia jadi pegangan  
Rukun negara teras panduan  
Satu Malaysia benteng negara  
Rakyat Malaysia taat setia**

**Satu Malaysia untuk semua**

*Rakyat Didahulukan,  
Pencapaian Diutamakan.*